

Headline	SPNB bina 20,000 unit Rumah Mesra Felda		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	28 Oct 2017	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	33	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	219 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,328
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,985



## SPNB bina 20,000 unit Rumah Mesra Felda

**KOTA BHARU 27 Okt.** - Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) akan membangunkan sebanyak 20,000 unit Rumah Mesra Felda di seluruh negara dalam tempoh empat tahun bermula tahun depan.

Pengerusi SPNB Mesra Sdn. Bhd., Datuk Mohamed Hasnan Che Hussin berkata, sebagai permulaan, pihaknya akan membina sebanyak 5,000 unit rumah bagi fasa pertama tahun depan.

“Rumah Mesra FELDA merupakan inisiatif kerajaan bagi membantu rakyat berpendapatan rendah. Kami komited melaksanakan amanah diberikan kerajaan bagi memastikan rakyat memperoleh kebaikan daripada program ini,” katanya.

Beliau ditemui ketika melawat tapak kediaman seorang ibu tunggal, Asnah Mustafa, yang merupakan penerima projek Rumah Mesra Rakyat 1 Malaysia (RMR1M) di Wakaf Che Yeh, di sini hari ini.

Rumah asal milik Asnah, 50, musnah dalam kebakaran pada Julai lalu dan dia kini terpaksa menyewa bilik di sebuah inap desa di kawasan berkenaan.

Ketika lawatan itu, Moha-



**MOHAMED HASNAN CHE HUSSIN (tengah) menyerahkan Surat Tawaran Perjanjian RMR1M kepada Asnah Mustafa (dua dari kanan) ketika meninjau tapak rumah ibu tunggal tersebut di Batu 3, Jalan Kuala Krai, Kota Bharu, Kelantan, semalam.**

med Hasnan turut menyerahkan sumbangan sebanyak RM5,000 bagi meringankan beban Asnah yang tidak mempunyai pekerjaan tetap.

Beliau dalam pada itu memberitahu, sehingga 30 September lalu, SPNB Mesra menerima 89,405 permohonan (RMR1M) dari seluruh negara dan 47,294 daripada permohonan tersebut telah diluluskan.

Katanya, sebanyak 39,395 unit telah siap dibina manakala 5,857 unit kini dalam proses pembinaan, selain 2,042 unit lagi dalam peringkat perjanjian dan dokumentasi.

“Sebanyak 12,535 permohonan dalam senarai menunggu dan kami akan proses dari semasa ke semasa semua permohonan tersebut.

“Sebenarnya permohonan pembinaan perumahan ini sentiasa meningkat setiap tahun,” katanya.